



ECO STAND LAMP

"From Ideas To Reality"



Mohamad Farish Bin Mazidi, Khairunnisa Afiqah Binti Roslan, Khadijah Binti Hasbullah, Mohd Ashraf Dani Bin Zulhani, Syammimi Husna Binti Mohammad, Abang Hadif Bin Abang Endi dan Azlynn Syerlyzza Binti Abdul Rani

ABSTRAK PROJEK :

"Eco Stand Lamp", adalah nama yang diberikan untuk produk inovasi yang kami hasilkan menggunakan konsep 3R iaitu "Reduce, Reuse dan Recycle". Objektif penghasilan produk inovasi ini adalah untuk mengurangkan sisa produk elektronik di Malaysia. Seiring dengan peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia, semestinya penggunaan produk elektrik juga semakin meningkat. Sebahagian besar produk elektrik yang sudah rosak akan dibuang ke tapak pelupusan sampah di mana kebanyakannya terletak berdekatan dengan sungai. Hal ini menyebabkan impak negatif kerana bahan kimia dan logam berat daripada sisa elektronik akan masuk ke dalam sistem tanah dan air bawah tanah. Perkara ini amatlah berbahaya untuk alam sekitar kita. Justeru itu, timbul idea untuk menghasilkan "Eco Stand Lamp" menggunakan kipas angin yang sudah rosak di mana, hanya bahagian kaki dan sebahagian badannya sahaja digunakan untuk menghasilkan produk inovasi ini. Selain itu, antara bahan lain yang digunakan adalah kerangka besi daripada lampu "downlight", penutup botol mineral dan suis di mana ketiga-tiganya adalah bahan yang dikitar semula untuk projek inovasi ini. Untuk projek Inovasi ini, hanya mentol LED sahaja yang diguna semula ("reuse" dan "reduce"). Oleh itu, produk ini amatlah menjimatkan kos dan mudah untuk dihasilkan. Tambahan pula, ianya mempunyai nilai estetika, mesra pengguna, mesra alam, ergonomik dan bernilai komersial yang mana boleh menarik perhatian pengguna.

PERNYATAAN MASALAH :

- Peningkatan kualiti hidup rakyat Malaysia, menyebabkan peningkatan penggunaan barangan elektrik.
- Produk elektrik dibuang ke tapak pelupusan sampah menyebabkan peningkatan sisa produk elektronik di Malaysia.
- Situasi ini amat berbahaya untuk alam sekitar.

OBJEKTIF :

- Objektif penghasilan Eco Stand Lamp ini adalah untuk :
Mengurangkan sisa produk elektronik di Malaysia.

POTENSI PROJEK :

- Menjimatkan.
- Mesra pengguna.
- Mesra Alam kerana ianya lebih mudah untuk digunakan.
- Inovasi yang ada nilai estetika dan ergonomik.
- Adanya kecenderungan Inovasi.
- Menarik perhatian.
- Boleh digunapakai dalam PdPc secara optimum dan menyeluruh.
- Kos penghasilan produk Inovasi : lebih ekonomi dan murah (untuk projek Inovasi ini, kami tidak menggunakan RM 0.01 pun, kerana ianya berkonsepkan 3R = Recycle, Reuse, Reduce).

HURAIAN INOVASI (BAHAN / KOS / CARA GUNA) :

BIL	SENARAI BAHAN	KUANTITI	KOS SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Kipas terpakai (Recycle)	1	0.00	0.00
2.	Lampu downlight (Recycle)	1	0.00	0.00
3.	Suis (Recycle)	1	0.00	0.00
4.	Penutup Botol (Recycle)	1	0.00	0.00
5.	Lampu Holder (Recycle)	1	0.00	0.00
6.	Plug 3 Pin 13A (Reuse)	1	0.00	0.00
7.	Mentol LED (Reduce / Reuse)	1	0.00	0.00
JUMLAH KESELURUHAN				0.00

CARA PENGGUNAAN :

- Produk inovasi ini berperanan sebagai lampu pelbagai.
- Sumber kuasanya adalah elektrik arus ulang alik.
- Elemen sistem elektrik yang digunakan oleh ESL ialah Sumber, Medium, Beban dan Kawalan.

KEBERHASILAN PROJEK INOVASI / PENILAIAN :

- Penghasilan projek ini juga melibatkan kerja - kerja yang berkaitan dengan elektrik iaitu pemasangan serta penghasilan produk Inovasi Eco Stand Lamp (ESL).







IMPAK INOVASI PROJEK TERHADAP PDPC :

- Memahami tajuk Reka Bentuk Elektrik dalam Subjek Reka Bentuk dan Teknologi.
- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang melibatkan "Hands On".
- Impak PdPc [Pengajaran Guru] : Hasil Inovasi memudahkan guru untuk mengajar, menjimatkan masa guru mengajar, meningkatkan keyakinan guru untuk mengajar kerana Inovasinya lebih mudah difahami dan ringkas.
- Impak PdPc [Pembelajaran Pelajar] : Hasil Inovasi dapat menarik minat pelajar untuk terus belajar dan menerokai, membantu pelajar untuk memahami topik yang diajar, melibatkan pelajar secara aktif dalam pembelajaran dan aktiviti Inovasinya berpusatkan pelajar dan situasi ini akan menyumbang ke arah peningkatan prestasi pelajar.

KETERANGAN LAIN YANG BERKAITAN :

Eco stand Lamp (ESL) yang kami hasilkan ini :

- Amat bermanfaat kepada komuniti (semua golongan masyarakat) kerana mempunyai :
 - Nilai Estetika dan Ergonomik
 - Menjimatkan wang & tenaga
 - Kecenderungan inovasi yang memberangsangkan
 - Mampu menarik perhatian ramai
 - Keunikan dan keistimewaan tersendiri



Sekalung Penghargaan dan Salam Terima Kasih kepada :

KOPERASI INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SARAWAK, MIRI, SARAWAK dengan kerjasama INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS SARAWAK, MIRI SARAWAK atas penganjuran

e - SPeDIP202 (e - SEMINAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI DALAM PENDIDIKAN 2021) Peringkat Kebangsaan

Di mana, sekolah kami berPELUANG menyertai e - SPeDIP2021 ini.

Para SLT (Pengetua, PK Pentadbiran, PKHEM, PKKK, PKP dan para Guru Kami, rakan - rakan seperjuangan serta warga sekolah SMK SEMERAH PADI, khususnya :

dalam menyokong serta memberi peluang dan ruang untuk kami menyertai pertandingan berprestij seumpama ini. TERIMA KASIH